

01 JAN 2001
Mahathir-Terjun
SAMBUTAN 2001 MERIAH

KUALA LUMPUR, 31 Dis (Bernama) -- Kedatangan Tahun Baru 2001 di ibu negara disambut meriah walaupun sebahagian besar warga kota masih berada di kampung halaman masing-masing sempena cuti Krismas dan Aidilfitri.

Ribuan wargakota malam ini membanjiri Menara Berkembar Kuala Lumpur (KLCC), Bukit Bintang dan kawasan tradisi sambutan tahun baru iaitu di Dataran Merdeka untuk menunggu jam di bangunan Sultan Abdul Samad bergema.

Kedatangan 2001 kali ini ditandai melalui persembahan payung terjun dari KLCC yang turut disaksikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ditemani oleh isterinya, Datin Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Penerjunan julung kali serta yang paling mencabar itu dijayakan oleh pasukan Malaysia Sky Venture Productions yang dianggotai oleh 15 orang, termasuk dua rakyat dari negara ini.

Rakyat Malaysia itu ialah Azizi Ismail dan Azlan Ismail yang menyertai pasukan itu terjun dari tingkat 60, 73 dan 88 KLCC.

Di Bintang Walk, Bukit Bintang, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan isteri, Datin Seri Hendon Mahmood turut bersama dengan rakyat pelbagai kaum termasuk pelancong asing untuk menyambut kedatangan tahun baru.

Turut sama ialah Perdana Menteri dan isteri yang tiba untuk sambutan ulang tahun ke-45 YTL Corporation sebelum menyaksikan persembahan Sky Venture Malaysia di KLCC.

Sambutan tahun baru di Bintang Walk diwarnakan dengan pertunjukan bunga api serta persembahan konsert dan nyanyian tenor antarabangsa seperti Fabio Sartori, Gegam Goryan dan Warren Mok.

Abdullah dalam ucapan ringkasnya mengucapkan Selamat Tahun Baru kepada rakyat Malaysia dan berharap tahun depan Malaysia akan menjadi negara lebih makmur lagi.

Beliau kemudian bersama orang ramai turut mengira detik jam 12 malam sebelum bersorak "Malaysia Boleh" sebanyak 3 kali.

Sementara itu, kira-kira 5,000 orang yang menunggu kedatangan 2001 di Dataran Merdeka agak hampa kerana menyangka sambutan tahun baru di situ diisi dengan pelbagai acara menarik.

Mereka bagaimanapun tetap menanti bunyi jam di bangunan Sultan Abdul Samad yang menandakan kedatangan 1 Januari 2001 sebagai satu tradisi menandakan detik bersejarah itu.

Di Kuala Trengganu, hampir seratus orang berkumpul di Taman Shah Bandar di sini dalam keadaan hujan bagi menyambut Tahun Baru 2001 tanpa sebarang aktiviti meriah.

Kerajaan pimpinan PAS tidak mengadakan sebarang program rasmi bagi menyambut kedatangan tahun baru itu sebagaimana yang dilakukan sebelum ini.

Kedadaan hujan yang masih belum berhenti juga turut menjadi punca mengapa orang ramai tidak keluar ke bandar seperti setiap kali tiba tahun baru bagi meraikan detik 12 malam.

Di Pulau Pinang, lebih 60,000 orang membanjiri Padang Kota Lama di Esplanade untuk menyambut tahun baru 2001.

Turut hadir ialah Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir dan para exco kerajaan negeri.

Selain Padang Kota, bandar Georgetown turut dipenuhi dengan parti jalanan oleh remaja dan para pelancong.

Di Perlis pula, kedatangan tahun 2001 disambut sederhana oleh para

penduduk negeri ini dan tidak banyak yang berkunjung ke bandar Kangar untuk menunggu detik 12 malam.

Bagaimanapun bagi para penduduk keturunan Siam di Padang Patani, dekat sini, mereka menyambut ketibaan 2001 dengan menganjurkan pertandingan nyanyian lagu-lagu Thai.

Bagi memeriahkan lagi sambutan itu, para penduduk turut bermain bunga api tepat pukul 12 tengah malam.

Turut hadir pada sambutan itu ialah Ketua Pergerakan Wanita Umno Perlis, Mastika Junaidah Hussain yang kemudiannya menyumbangkan peralatan memasak kepada para penduduk kampung itu.

-- BERNAMA

SSA FA AD NER AYB SLR ZB